

Ruj. Kami : (8.00)(01.00)96/1-3/(73)

Tarikh : 12 Mac 1997

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah

Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 9 TAHUN 1997**

TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan, kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Berdasarkan kepada pemerhatian dan penerimaan permohonan pengecualian daripada jabatan/agensi Persekutuan di Sabah berhubung dengan tatacara perolehan Kerajaan, pejabat ini mendapati jabatan/agensi tidak mematuhi sepenuhnya tatacara perolehan kerajaan. Antara amalan-amalan yang seringkali dilakukan adalah seperti berikut:

2.1 Jabatan/Agensi memecahkecilkan nilai perolehan yang sepatutnya diurus secara sebutharga supaya dapat diurus secara perolehan runcit, sebagai contoh anggaran asal perolehan ialah RM50,000.00. Walaubagaimanapun, ianya telah dipecahkecilkan kepada beberapa bahagian dengan had tidak melebihi RM20,000.00 dan diurus secara berperingkat-peringkat dalam tempoh masa yang sama/berlainan masa.

2.2 Terdapat juga Jabatan/Agensi yang sengaja memecahkecilkan perolehan yang sepatutnya diurus secara tender supaya dapat diurus secara sebutharga, sebagai contoh, perolehan yang bernilai melebihi RM50,000.00 dipecahkecilkan kepada beberapa bahagian dengan had tidak melebihi RM 50,000.00 dan diurus secara berperingkat-peringkat dalam tempoh masa yang sama/berlainan masa.

2.3 Jabatan/Agensi mengadakan perolehan di luar Kontrak Pusat bagi bekalan dan Perkhidmatan Gunasama terdapat dalam Kontrak Pusat Perbendaharaan Malaysia Sabah tanpa kelulusan terlebih dahulu.

2.4 Jabatan/Agensi menguruskan bekalan barang-barang daripada syarikat yang tidak berdaftar dengan Perbendaharaan Malaysia Sabah.

3. Amalan-amalan tersebut adalah tidak selaras dengan Arahan-arahan Perbendaharaan dan Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa. Bagi memastikan tatacara perolehan dipatuhi sepenuhnya, pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah diminta supaya setiap baucer pembayaran bagi perolehan berkenaan disahkan terlebih dahulu bahawa ianya tidak melebihi had-had yang dibenarkan seperti berikut:

3.1 Perolehan runcit daripada syarikat tidak berdaftar tidak melebihi RM10,000.00 setahun bagi setiap item atau kelas item.

3.2 Perolehan runcit daripada syarikat berdaftar tidak melebihi RM20,000.00 setahun bagi setiap item atau kelas item.

3.3 Perolehan secara sebutharga tidak melebihi RM50,000.00 setahun bagi setiap item atau kelas item.

4. Sehubungan dengan itu, mulai 1 April 1997, semua Jabatan/Agensi apabila mengemukakan baucer kepada Jabatan Akauntan Negara/Unit Pembayaran masing-masing dikehendaki menyertakan butir-butir pengesahan serta ditandatangani seperti berikut:-

**" ADALAH DISAHKAN BAHAWA NILAI PEROLEHAN
BAGI ITEM/KELAS ITEM INI TIDAK MELEBIHI
RM10,000.00 / RM50,000.00 SETAHUN "**

**** Potong dimana tidak berkenaan.***

5. Jabatan Akauntan Negara/Unit Pembayaran hendaklah memulangkan baucer-baucer kepada Jabatan/Agensi jika baucer-baucer yang dikemukakan itu tidak disertakan dengan pengesahan seperti di atas.

6. Jika pejabat ini dapati pengesahan yang telah dibuat oleh Jabatan/Agensi tidak tepat, pegawai-pegawai yang telah membuat pengesahan itu akan disyorkan untuk dikenakan tindakan surcaj.

7. Pejabat ini berharap semua Jabatan/Agensi akan mematuhi peraturan pengesahan yang telah ditetapkan itu. Sokongan dan kerjasama Y.Bhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam mempertingkatkan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Y.Bhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

T.T

(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah

s.k.:

Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Sabah
Tingkat 2, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
Beg Berkunci 2053
88594 KOTA KINABALU
Timbalan Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Sabah
Pejabat Kawasan Sandakan
Tingkat 2, Rumah Persekutuan
Jalan Labuk, Beg Berkunci 41
90009 SANDAKAN
Timbalan Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Sabah
Pejabat Kawasan Keningau
Tingkat Atas, Bangunan Kelab Belia
Beg Berkunci No.5
89009 KENINGAU
Timbalan Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Sabah
Pejabat Kawasan Tawau
Tingkat 4, Rumah Persekutuan
Jalan Dunlop, Bandar Sabindo
91009 TAWAU
Timbalan Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan Labuan
Tingkat 2&3, Lot 11
W.D.T. No.23
87009 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

*Sukacita jika dapat tuan Memulangkan kepada
Jabatan/Agensi baucer-baucer yang tidak disertakan
dengan pengesahan yang ditetapkan. Terima kasih.*